



BAB 14 PETEMPATAN



14.1 jenis petempatan

LUAR BANDAR


- Mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 20 000 orang. Kepadatan penduduknya adalah rendah.
- Mempunyai ciri-ciri ekonomi yang berdasarkan pertanian, hubungan sosial yang rapat, kemudahan asas dan kemudahan sosial yang minimum.
- Aktiviti ekonominya lebih mengutamakan pertanian, pembalakan, perlombongan dan perikanan. Contoh petempatan luar bandar ialah Kampung Kubang Palas (Kelantan).



BANDAR

- Mempunyai jumlah penduduk melebihi 20 000 orang. Kepadatan penduduk adalah tinggi.
- Mempunyai ciri-ciri moden dari segi guna tanah, kegiatan ekonomi, kemudahan sosial dan infrastruktur, serta cara hidup penduduk.
- Aktiviti ekonomi lebih mengutamakan perniagaan dan perkhidmatan. Contoh petempatan bandar ialah Kuala Lumpur

14.2 hierarki petempatan



HIERARKI PETEMPATAN	JUMLAH POPULASI (ORANG)	CONTOH PETEMPATAN
Megalopolis	Melebihi 3 000 000	Shanghai (China)
Metropolis	1 000 000 hingga 2 999 999	Bangkok (Thailand)
Bandar raya	100 000 hingga 999 999	Kuching (Sarawak)
Bandar	20 000 hingga 99 999	Kota Bahru (Kelantan)
Pekan	1 000 hingga 19 999	Pekan Tenom (Sabah)
Kampung	100 hingga 999	FELDA Sahabat (Sabah)



14.3 pola petempatan

POLA PETEMPATAN	CIRI-CIRI	TABURAN/LOKASI
Berpusat	padat	Banyak bangunan dan rumah dibina padat dan bertumpu di sekeliling pusat tumpuan penduduk seperti masjid, sekolah, persimpangan jalan raya. Contoh seremban (Negeri Sembilan)
berjajar	satu barisan atau deretan	Rumah-rumah ini dibina selari dengan sungai, tali air, jalan raya atau jalan kereta api. Contoh sepanjang landasan kereta api antara Klang dengan Kuala Lumpur
bekelompok	Rapat dalam satu kelompok yang terancang dan teratur	Tanah Rancangan FELDA 
Berselerak	Tidak sekata. berseleak tanpa susunan	Terletak di kawasan luar bandar. Dibina di kawasan tanah persendirian. Menjalankan aktiviti pertanian seperti kebun kecil getah



14.4 faktor-faktor yang mempengaruhi pola petempatan



FAKTOR

fizikal

ekonomi

governan

sosial



POLA
PETEMPATAN

berpusat

berjajar

berkelompok


berselerak

14.5 fungsi petempatan bandar dan petempatan luar bandar

Fungsi Petempatan Bandar

BANDAR PERINDUSTRIAN

- Bandar yang mempunyai kawasan industri yang luas.
- Penduduknya bekerja dalam bidang pengeluaran, kejuruteraan dan berteknologi tinggi.
- Contoh Shah Alam (Selangor), Yokohama (Jepun) dan Wolfsburg (Jerman).



BANDAR PELABUHAN

- Bandar pelabuhan yang mengendalikan eksport dan import barang.
- Menyediakan kemudahan kontena, gudang, dermaga dan Limbungan untuk membaiki kapal.
- Contoh Pelabuhan Pasir Gudang (Johor), Pelabuhan Klang (Selangor), Pelabuhan Bintulu (Sarawak), Pelabuhan Labuan (Sabah), Pelabuhan Shanghai (China) dan Pelabuhan Rotterdam (Belanda).

BANDAR PERLOMBONGAN

- Bandar ini berkembang akibat penerokaan sumber mineral yang terdapat di kawasan sekitarnya.
- Contoh Kerteh (petroleum), Bintulu (gas asli), Ipoh (bijih timah), Kuznetsk dan Kansk-Achinsk di Rusia (arang batu).

BANDAR PELANCONGAN

- Bandar ini menjadi tumpuan pelancong dengan keistimewaan fizikal seperti kawasan pantai contoh Port Dickson (Negeri Sembilan).
- Kawasan pelancongan bebas cukai di Kuah, Pulau Langkawi (Kedah) dan bangunan bersejarah di Bandar raya Melaka (Melaka) serta Pantai Honolulu, Hawaii (Amerika Syarikat).



BANDAR PENDIDIKAN

- Bandar pendidikan mempunyai pusat pengajian tinggi.
- Contoh Bangi (Universiti Kebangsaan Malaysia), Sintok (Universiti Utara Malaysia) dan Universiti Harvard (Amerika Syarikat).

BANDAR SATELIT

- Bandar ini dibangunkan untuk mengatasi masalah kesesakan petempatan di bandar utama.
- Berperanan sebagai bandar sokongan kepada bandar utama.
- Contoh Petaling Jaya (Selangor), Senawang (Negeri Sembilan), Newcastle (Australia) dan Gurgaon (India).



BANDAR DIRAJA



- Bandar yang letaknya istana yang menjadi tempat bersemayam rasmi bagi sultan.
- Contoh Arau (Perlis), Anak Bukit (Kedah), Kuala Kangsar (Perak), Klang (Selangor), Seri Menanti (Negeri Sembilan), Muar (Johor), Pekan (Pahang) dan Sutton Coldfield (England).

BANDAR PENTADBIRAN



- Berfungsi sebagai ibu negeri, ibu negara atau pusat pentadbiran.
- Menawarkan pelbagai bentuk perkhidmatan kerajaan kepada penduduk.
- Contoh Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu ibu negeri Sabah, Kota Bharu ibu Putrajaya negeri Kelantan dan Paris ibu negara Perancis.

BANDAR SEMPADAN



- Bandar ini terletak di sempadan negara yang berfungsi sebagai pintu keluar dan masuk sesebuah negara.
- Contoh Rantau Panjang (Kelantan), Padang Besar (Perlis), Bukit Kayu Hitam (Kedah), Serikin dan Limbang (Sarawak), Collioure (Perancis) dan Cadaques (Sepanyol).

BANDAR PERTAHANAN



- Bandar yang terdapat pangkalan tentera udara, laut dan darat yang mempunyai kemudahan pertahanan.
- Contoh Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut (Perak), Pusat Latihan ASAS Tentera Darat (PUSASDA) di Port Dickson (Negeri Sembilan) dan Fort Bragg di North Carolina (Amerika Syarikat).

BANDAR TEKNOLOGI MAKLUMAT



- Bandar yang dibangunkan untuk memajukan teknologi maklumat dan komunikasi negara.
- Agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan pembangunan teknologi maklumat yang beroperasi di bandar ini.
- Contoh Cyberjaya (Selangor), Bristol (England) dan Sacramento (Amerika Syarikat).



Fungsi Petempatan Luar Bandar



ekonomi

- Pusat pengumpulan hasil pertanian, perikanan, industri hiliran dan pelancongan.
- Pusat mengumpul dan memproses hasil pertanian dan ternakan sebelum dihantar ke bandar. Contoh padi di ALOR JANGGUS (Kedah).
- Aktiviti perikanan dijalankan di kawasan pinggir pantai dan kuala sungai seperti KUALA MUDA (Kedah).
- Industri hiliran menghasilkan produk seperti kraftangan dan makanan ringan seperti SAYONG (Perak).
- Petempatan luar bandar menjadi destinasi pelancongan dengan menyediakan kemudahan inap desa contoh MORIB (Selangor).

SOSIAL

- menyediakan pelbagai kemudahan asas iaitu bekalan air, elektrik dan jaringan pengangkutan seperti kampung sungai DURIAN (Perak).
- Kemudahan SOSIAL disediakan seperti rumah ibadat, KLINIK kesihatan, sekolah dan perkhidmatan pos contoh KAMPUNG DEW (Perak).
- Perkhidmatan keselamatan seperti PONDOK POLIS di FELDA TELOI TIMUR (Kedah).
- Menyediakan pasaran bagi produk dari bandar iaitu barang KILANG seperti peralatan elektrik dan makanan diproses contoh SUNGAI DUA DAN SUNGAI BAKAU (PULAU PINANG).

Governan

- pusat pengurusan dan pentadbiran seperti JELI (KELANTAN).
- Ketua kampung sebagai perantaraan antara agensi governan dengan penduduk luar bandar seperti KAMPUNG KEMELOONG (SIK).
- BALAI RAYA dijadikan pusat kegiatan masyarakat di kawasan luar bandar contoh KAMPUNG CHUAR (Perak).
- Agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) untuk memberikan pelbagai bantuan dari segi khidmat seperti FELDA JENGKA (PAHANG).



14.6 saling bergantung antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar



kawasan **Luar bandar** melengkapi keperluan **bandar**:

- Membekalkan makanan kepada penduduk bandar seperti beras, telur, susu, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan.
- Membekalkan bahan mentah kepada kilang-kilang seperti kelapa sawit untuk perindustrian minyak masak, marjerin, sabun dan bahan kosmetik.
- Menyediakan pasaran bagi barang keluaran kilang di bandar. Misalnya pasaran untuk pakaian, barang elektrik dan makanan yang diproses.
- Membekalkan tenaga kerja untuk sektor pembuatan dan sektor pembinaan di bandar.
- Menyediakan kawasan ekopelancongan dan rekreasi seperti hutan Lipur dan air terjun.
- Menyediakan tempat tinggal kepada pekerja di bandar

kawasan **bandar** melengkapi keperluan **Luar bandar**:

- Menyediakan pasaran bagi hasil keluaran Luar bandar seperti hasil pertanian, hasil hutan, hasil laut dan penternakan.
- Bandar bergantung kepada Luar bandar bagi memperoleh makanan dan bahan mentah untuk industri dan perdagangan, contoh telur dan ayam daging.
- Merupakan tempat untuk memproses barang siap seperti pakaian, makanan, ubat-ubatan dan barang elektrik.
- Memberikan perkhidmatan seperti pengangkutan, kewangan dan keselamatan.
- Merupakan pusat pentadbiran seperti pengurusan urusan pejabat tanah dan pelbagai jenis perkhidmatan awam.
- Menyediakan pelbagai jenis kemudahan seperti perubatan, pendidikan, hiburan, rekreasi dan pusat membeli belah.
- Menyediakan peluang pendidikan tinggi seperti Bandar Baru Bangi.
- Menyediakan perkhidmatan kewangan seperti bank dan syarikat insurans.
- Mewujudkan peluang pekerjaan bagi penduduk Luar bandar.

